

Proses pembaharuan

BH 18 NOV 2000

Oleh Kadir Dikoh dan Zulkofli Jamaluddin

KUALA LUMPUR, Jumaat – Beberapa pindaan dalam perlembagaan Umno pada perhimpunan khas parti itu esok, menyaksikan proses perubahan ke arah menjadikannya pertubuhan politik yang terus relevan membela bangsa.

Antara usul pindaan itu ialah sesiapa saja yang diterima menjadi ahli Umno, boleh bertanding dalam pilihan raya tanpa perlu lagi memenuhi syarat menyertai parti sekurang-kurangnya lima tahun.

Ia juga memberi kelengkapan kepada ahli baru bergiat cergas dalam parti dengan cadangan membenarkan mereka bertanding di peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi (MT) atau terus dilantik, tanpa perlu menunggu antara dua hingga tiga tahun seperti syarat sekarang.

Kuasa memilih calon pilihan raya, sama ada bagi kerusi Dewan Undangan Negeri atau Parlimen, juga dicadangkan supaya diturunkan kepada badan perhubungan negeri melalui rundingan bersama pemimpin tertinggi parti.

Turut dicadangkan ialah proses mendaftar dan meluluskan keahlian dipermudahkan dan dipercepatkan, iaitu boleh dilakukan di peringkat cawangan. Rungutan sebelum ini ialah sekatan menyertai Umno berlaku di peringkat bahagian.

Ini adalah antara cadangan dalam usul pindaan perlembagaan yang diedarkan kepada media hari ini.

Cadangan pindaan di bawah fasal 9.3, 9.4, 9.5, 10.17 dan 15.3 berkaitan usul mengadakan mesyuarat dan pemilihan peringkat bahagian dan MT mengikut tempoh Dewan Rakyat, ditarik balik.

Mesyuarat MT Umno semalam memutuskan untuk mengekalkan tempoh pemilihan bagi jawa-

ANTARA USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN PARTI

- ◆ Sesiapa saja diterima jadi ahli Umno boleh terus bertanding dalam pilihan raya
- ◆ Ahli baru dibenar bertanding jawatan dalam parti
- ◆ Kuasa pilih calon pilihan raya diturunkan kepada negeri
- ◆ Proses daftar keahlian dilakukan pada peringkat cawangan

tan MT dan bahagian kepada tiga tahun sekali itu tetapi membuat cadangan baru supaya tempoh pemilihan peringkat cawangan diadakan tiga tahun sekali berbanding dua tahun sekarang.

Perhimpunan lebih 2,000 wakil dari 165 bahagian di seluruh negara esok dianggap penting bagi mencorak hala tuju Umno pada alaf baru ketika prestasinya agak merosot dalam pilihan raya umum November lalu.

Ia akan dimulakan dengan ucapan Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diikuti pembentangan usul pindaan oleh Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Pindaan Perlembagaan.

Ia kemudian dibahas oleh wakil setiap negeri selain wakil pergerakan Pemuda dan Wanita.

Menurut ulasan pada usul itu, langkah membenarkan sesiapa saja yang diterima menjadi ahli boleh menjadi calon, bertujuan membuka ruang kepada ahli yang difikirkan

layak dan berupaya memberikan sumbangan kepada parti dan masyarakat.

Langkah itu memberi gambaran bahawa Umno adalah parti yang demokratik, tidak banyak berpolitik, tidak sekat menyekat, terbuka dan sentiasa membuka ruang kepada tenaga serta muka baru untuk memberi khidmat kepada parti.

Umno juga mahu menarik sokongan generasi baru dengan menyetepikan beberapa sekatan dari segi kelayakan bertanding sama ada dalam pilihan raya umum atau peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi (MT).

Ia mahu membuka pintu seluas-luasnya, termasuk cadangan mewujudkan Puteri Umno bagi menarik golongan profesional wanita, yang selama ini keberatan kerana tiada wadah terbaik mereka berbuat demikian, selain dibelenggu rasa terpinggir.

Bagi menolak sebarang andaian berat sebelah, usul itu turut mencadangkan penubuhan Lembaga

LIHAT MUKA 2

Perwakilan dinasihat utamakan parti

DARI MUKA 1 BH 18 NOV 2000

Disiplin, yang mempunyai kuasa lebih bebas, bagi mengganti Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno sekarang.

Sementara itu, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menasihatkan perwakilan yang mengambil bahagian dalam perbahasan supaya melakukannya dengan penuh tanggungjawab dan tidak lari daripada matlamat perhimpunan.

"Walau apapun pindaan

yang kita lakukan, yang penting ialah sikap kita terhadap parti, iaitu mengutamakan parti daripada kepentingan peribadi atau kumpulan dalam parti.

"Insya-Allah dengan kesedaran ini, Umno akan terus kuat dan dapat menjayakan perjuangan untuk bangsa, agama dan negara. Ini perlu kita sama-sama ingat," katanya.

Muhyiddin pula berkata, semua perwakilan perlu memberi sokongan padu kerana hampir kesemua usul yang

dipinda adalah cadangan daripada kepemimpinan peringkat akar umbi.

"Ini kali pertama dalam sejarah Umno, MT mendapat maklum balas daripada pemimpin cawangan, bahagian dan perhubungan negeri secara menyeluruh sebelum meminda perlembagaan parti.

"Malah, MT sedia meminda semula cadangan usul selepas membuat keputusan selepas mendapat maklumat balas daripada pemimpin bahagian,"

katanya selepas mengadakan pertemuan dengan pembahas usul di ibu pejabat Umno, hari ini.

Beliau, yang yakin usul itu akan diluluskan sebulat suara, berkata semua perwakilan perlu memberi sokongan bagi membuktikan kepentingan parti diutamakan.

"Ini bukan soal kemenangan sesiapa tetapi kepentingan parti. Saya harap perwakilan akan mengutamakan parti untuk membuktikan Umno tetap sebulat suara," katanya.